

# Mahathir syor tubuh Persatuan Perunding Pengurusan

**D**R. Mahathir Mohamad hari ini mengesyorkan penubuhan sebuah Persatuan Perunding Pengurusan di peringkat nasional untuk bertindak sebagai badan profesional bagi membantu kerajaan dalam pengurusan pelaksanaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pengurusan merupakan suatu faktor yang amat kritikal dalam melaksanakan projek-projek pembangunan bagi memastikan tercapainya segala matlamat sosio-ekonomi kerajaan di bawah rancangan tersebut.

"Oleh itu khidmat perunding pengurusan adalah amat penting kerana ia akan dapat membantu kakitangan pengurusan pembangunan mendapatkan segala pengetahuan teknik, kemahiran dan sebagainya yang diperlukan untuk menunaikan tanggungjawab penting dalam rancangan pembangunan ekonomi itu," kata beliau.

Dr. Mahathir berpendapat, persatuan itu bukan sahaja akan memberikan sumbangan besar dalam pelaksanaan RMK, bahkan juga mengekalkan mutu persembahan sektor awam dan lain-lain sektor pengusahaan yang memerlukan khidmat perundingan itu.

Ini akan juga menggalakkan lebih banyak lagi penggunaan khidmat perundingan dalam membantu mengukuhkan lagi kemampuan dan kebolehan pengurusan dan pengeluaran badan-badan awam.

## KUALA LUMPUR 9 MEI

- Kadar bayaran yang dikenakan selalunya dianggap sebagai amat tinggi, walaupun ia masih merupakan suatu issue yang kontraversial;

- Para pengurusan dalam badan-badan kerajaan selalunya enggan memberitahu kelemahan-kelemahan dan pengurusan mereka kepada para perunding dalam sektor swasta dan kerana itu masalah utama yang memerlukan khidmat perundingan itu tidak diatasi; dan

- Para pengurus da-

lam banyak hal tidak dapat menentukan masalah sebenarnya dalam pengurusan mereka dan tidak begitu bersetuju dengan pendapat para perunding.

Dalam hubungan ini Dr. Mahathir berpendapat bahawa masanya sudah tiba sekarang bagi kerajaan-kerajaan di negara-negara di rantau ini memajukan para perunding pengurusan sendiri.

Para Perunding awam dan swasta juga patut bekerjasama supra-

ya mereka dapat saling membantu dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan di bawah RMK.

Dr. Mahathir berkata, selama ini negara-negara membangun di rantau ini terpaksa berpuashati dengan menggunakan para perunding asing dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek besar, terutamanya yang bergantung kepada bantuan teknik luar negeri.

Ini sudah tentu tidak diingini kerana jika peluang dan kemahiran yang sama diberikan para perunding tempatan akan jauh lebih murah dari yang diperolehi dari seberang laut, kata beliau.

Seminar itu yang dianjurkan oleh Pusat Pentadbiran Pembangunan Asia (ACDA) disertai oleh 27 orang perwakilan dari sembilan buah negara iaitu India, Indonesia, Malaysia, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Thailand, United Kingdom dan para perwakilan dari Bangsa-Bangsa Bersatu.

## Seminar

Berucap merasmikan seminar enam hari mengenai pengurusan pembangunan di sini hari ini, Dr. Mahathir berkata, khidmat perunding pengurusan selama ini menghadapi pelbagai rintangan, seperti:

- Para peundirg, terutamanya dari luar negeri, sering mengemukakan cadangan-cadangan yang tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan pengetahuan mengenai peraturan-peraturan dan susunan pentadbiran di negara ini;